

15 JAN 1997

EXCO SELANGOR DIARAH KERJA LEBIH KUAT

SHAH ALAM, 15 Jan (Bernama) -- Arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua menteri kabinet bekerja lebih kuat turut dipanjangkan ke Selangor apabila kerajaan negeri mengarahkan semua anggota exco melipatgandakan usaha pembangunan dan penguatan ekonomi negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan Negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib telah mengarahkan demikian kepada semua exco pada mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

"Selaras hasrat kerajaan negeri memastikan pertumbuhan ekonomi negeri berterusan pada kadar 10 peratus setahun, kita juga diminta melipatgandakan usaha pembangunan negeri mengikut portfolio masing-masing," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Abdul Fatah juga meminta pemaju swasta dalam industri pelancongan mengemukakan cadangan-cadangan projek untuk dilaksanakan secara penswastaan di seperti yang melibatkan pelancongan pantai, rekreasi di kawasan bekas lombong dan juga tarikan alam semula jadi.

"Mereka boleh mengemukakannya kepada jawatankuasa penswastaan negeri," katanya.

Kerajaan negeri telah menyediakan insentif berbentuk premium tanah yang rendah untuk projek-projek pelancongan dan insentif ini boleh digunakan sepenuhnya oleh swasta, kata beliau. -- BERNAMA

MNY MAI